

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
ATAS RANCANGAN KEMAJUAN KERAJAAN
DI DEWAN RAKYAT, PADA 25HB APRIL, 1961

Tuan Yang Dipertua,

Saya dengan sukacitanya menyokong cadangan ini. Dalam menyokong cadangan ini saya sangat tertarik hati kepada perkataan-perkataan yang disebutkan oleh rakan saya Menteri Kewangan apakala ia menyebut ucapannya baru-baru ini. Y.B. Menteri Kewangan telah mengingatkan kita bahawa semenjak Dewan ini bersidang pada kala yang lalu pada masa kita membincangkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua. manusia telah masuk kepada zaman angkasa lepas. Akan tetapi jika kita hendak menjalankan Rancangan Kemajuan kita dengan sempurnanya kita di Tanah Melayu mustahak mempunyai kaki kita tetap berdiri di atas tanah.

Pada fikiran saya tidaklah susah kita hendak menurut nasihat Menteri Kewangan ini kerana Kerajaan Perikatan pada setiap masa ada berdiri tetap menuju kepada kemajuan.

Dan pada masa ini di seluruh Tanah Melayu ini bolehlah didapati rancangan-rancangan kemajuan yang sedang dijalankan yang menunjukkan bahawa kita senantiasa menuju ke arah kemajuan. Rancangan-rancangan di bandar-bandar, kampung-kampung yang jauh ada menunjukkan dengan terang dan nyatanya bahawa Kerajaan telah bersungguh-sungguh menjalankan rancangan kemajuan untuk meninggikan taraf hidup rakyat jelata dan memajukan keadaan ikhtisad di negeri ini. Dan lagi cara kita menjalankan Rancangan Kemajuan Lima Tahun kita yang Kedua ini pada fikiran saya sangatlah bersesuaian dengan semangat zaman angkasa lepas ini. Saya mendapat tahu bahawa seseorang itu berjalan menuju angkasa lepas, apabila telah sampai jauh daripada alam ini dan tidak lagi tertarik oleh kekuatan alam dunia ini, dia berasa ringan dan tidak mempunyai keberatan langsung. Begitu juga berkenaan dengan Rancangan Kemajuan Kerajaan kita. Rancangan Kemajuan Kerajaan ini adalah dengan bertujuan

membawa rakyat negeri ini berjalan kepada kemakmuran dan di situ mereka itu tidak lagi mempunyai keberatan daripada kemiskinan.

Dengan tujuan supaya Tanah Melayu dapat membena ikhtisadnya dan menggunakan hasil buminya dengan sepenuh-penuhnya, hendaklah kita menjalankan kemajuan dengan bersandar kepada rancangan kemajuan yang berasas kepada dua perkara: yang pertamanya perniagaan kita, perusahaan dan perdagangan hendaklah dimajukan; yang keduanya, kawasan-kawasan luar bandar hendaklah diperbaiki dan dimajukan. Rakan saya Menteri Perusahaan dan Perniagaan¹ akan menerangkan berkenaan dengan rancangan perusahaan dan perniagaan negara kita, akan tetapi saya suka menerangkan kepada Dewan ini bahawa sungguhpun rancangan-rancangan kemajuan di atas dua-dua perkara yang saya sebutkan itu ada disukukan dalam anggaran rancangan kemajuan kita, akan tetapi sebenarnya kedua-duanya tak boleh disukukan. Oleh sebab jika kita hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat negeri kita, baik di bandar-bandar dan di luar bandar, mestilah kita ingat bahawa kemakmuran negeri kita ini bergantung kepada perniagaan dunia. Tidak ada satu bangsa dalam zaman angkasa lepas ini boleh maju dan mendapat kemakmuran melainkan bangsa itu bersedia hendak membukakan pintu negaranya kepada perdagangan dan perusahaannya daripada negeri-negeri yang lain. Semua bangsa di dunia ini bergantung atas satu dengan lain dalam hal berniaga.

Saya percaya Dewan ini ingat bahawa tujuan kita mengadakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar ialah hendak menambahkan mata pencarian rakyat di luar bandar supaya mereka itu mendapat hasil yang lebih lagi daripada pekerjaan yang diperbuatnya. Oleh itu hendaklah kita ingat bahawa jikalau negeri-negeri lain tidak bersedia untuk membeli barang-barang yang dikeluarkan oleh negeri ini, terutama sekali seperti getah dan barang-barang yang lain, nescaya kemakmuran di luar bandar pun tak dapat dicapai. Oleh itu mustahaklah kita semua ingat dan faham, dan terangkan kepada semua penduduk di negeri ini bahawa mustahak kita mengadakan cuaca siasah yang tenang dan

1 Y.B. Encik Mohd. Khir Johari.

téguh dan kuat di negeri ini, supaya bangsa-bangsa asing dapat mempertaruhkan wang dan membelanjakan wang untuk perniagaan di negeri ini. Banyak perusahaan-perusahaan di negeri ini yang boleh diperbaiki dan dimajukan dengan usaha, tenaga dan perbelanjaan daripada bangsa-bangsa lain di dunia ini. Hendaklah kita bukakan pintu kita kepada ahli-ahli modal dari negeri-negeri yang menaruh kepercayaan kepada Kerajaan dan Negara kita ini dan selagi banyak orang-orang yang membelanjakan wangnya di negeri kita ini, lagi luaslah kemajuan ikhtisad negeri kita. Berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan jika kita tenguk dalam peta Tanah Melayu ini kita dapati ada banyak kampung-kampung yang berjauhan daripada ibu kota negeri kita ini dan perjalanan ke kampung-kampung itu samada dengan melalui jalan-jalan raya atau pun jalan-jalan keretapi atau pun dengan sungai adalah mengambil masa berjam-jam lamanya. Akan tetapi menurut keadaan yang ada sekarang dalam zaman angkasa lepas, Kerajaan Perikatan telah berjaya berjalan menuju kepada hati dan semangat penduduk-penduduk di kampung-kampung dalam masa yang sangat singkat, iaitu dalam masa kurang dari satu minggu lamanya telah terbit Buku Merah. Buku Merah ini telah disediakan oleh Kerajaan Perikatan dengan tujuan supaya kehendak-kehendak dan harapan penduduk-penduduk di kampung-kampung setiap masa dekat dengan hati Kerajaan bagaimana jauhnya sekali pun penduduk-penduduk itu berada.

Buku Merah ini ialah tanda keterangan nyata bahawa Kerajaan Perikatan telah menunaikan janji dan menyempurnakan kehendak dan kepercayaan rakyat kepadanya dalam memajukan negeri ini. Dan lagi barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat ingat bahawa saya telah menerangkan kepada Dewan ini dahulu bahawa dalam menjalankan rancangan Kemajuan Luar Bandar, Kerajaan tidaklah hendak mengadakan satu rangka baru, bahkan hendak menggunakan jentera perkhidmatan yang sedia ada dan sebahagian besar dari usaha dan tenaga Kementerian-kementerian dan Pejabat-pejabat Kerajaan, baik di peringkat Federal, State atau pun Jajahan akan disatukan supaya dapat digunakan kerana menjalankan rancangan-rancangan kemajuan di luar-luar bandar. Perkara ini telahlah dijalankan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sungguh pun kecil telah menjadi pusat untuk mengumpulkan semua hasil pekerjaan.

Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat dapati di dalam Anggaran Perbelanjaan ini yang menggunakan wang untuk rancangan Kemajuan luar bandar tidaklah Kementerian Luar Bandar bahkan telah dimasukkan dalam perbelanjaan kementerian-kementerian yang berkaitan, dan tanggungjawab bagi menjalankan rancangan itu ialah kepada Kementerian-kementerian yang tersebut itu. Dan dalam Kementerian-kementerian itu adalah disediakan peruntukan wang yang cukup bagi menjalankan rancangan kemajuan luar bandar itu.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacita menyokong cadangan ini.